



Ruj. Kami: JKP (KN) SULIT 32 JLD.4/(87)
Bertarikh: 19 Syawal 1445H bersamaan
28 April 2024M

Ke majlis,

YB. Sahibus Samahah
Dato' Kaya Perba
Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
Jabatan Mufti Negeri Kelantan
Kompleks Islam Darulnaim
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 KOTA BHARU.

YB. Dato' Lela Perkasa
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 KOTA BHARU

YB. Dato',

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN
BAGI JAWATAN PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S48 KE GRED S52**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengerusi Jumaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Professional Gred 44 Hingga Gred 52 Dan Kumpulan Pelaksana Gred 32 hingga Gred 40 Di bawah Sistem Saraan Malaysia telah bersetuju untuk mengadakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S48 Ke Gred S52.

3. Sehubungan dengan itu, YB. Dato' dimohon untuk mengemukakan maklumat pegawai/kakitangan yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Wajaran LNPT sebanyak 85 % bagi tiga (3) tahun terkini (2021, 2022 dan 2023);
- 3.2 Bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 3.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. Iklan bagi urusan kenaikan pangkat ini akan **DIBUKA MENERUSI SISTEM E-KP** iaitu <https://ekp.kelantan.gov.my/> sebagaimana hebahan yang telah dikeluarkan no. rujukan: **JKP (KN) SULIT 32 JLD.4/(71) bertarikh 01 November 2023**. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat ini, pegawai/ kakitangan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam sistem E-KP sama seperti yang tercatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

5. Permohonan dan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai/ kakitangan di bawah seliaan YB. Dato' hendaklah dimuat naik kembali dan di hantar **sebelum atau pada 12 Mei 2024**.

6. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab jabatan **untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat**. Jabatan juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh jabatan akan menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.


7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|-------|-------------------------------------|-----------------------|
| (i) | Puan Diana Melati binti Mohamed | 09-7481957 (ext 2102) |
| (ii) | Cik Nurul Syahirah binti Ibrahim | 09-7481957 (ext 2105) |
| (iii) | Puan Siti Noor Zurainee binti Yahya | 09-7481957 (ext 2149) |

8. Di atas kerjasama pihak YB. Dato', berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD ZAKI BIN YUSOFF)
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Merangkap Setiausaha
Jumaah Kenaikan Pangkat
Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan